UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1987/88

PLG 221 - Perkembangan Pendidikan di Malaysia

Tarikh : 26 Oktober 1987 Masa : 2.15 - 4.15 petang
(2 jam)

---

Jawab TIGA (3) soalan sahaja.

1. Sekolah-sekolah Inggeris di Tanah Melayu dalam zaman British dahulu, tidak lain dan tidak bukan menjadi alat penjajahan". Beri reaksi anda kepada pernyataan ini.

2. Secara ringkas bincang dan analisakan hujah-hujah utama seperti yang dibayangkan dalam penyata-penyata pelajaran yang dikemukakan dalam tahun kelimapuluhan berkenaan dengan isu-isu bahasa pengantar untuk sistem pendidikan di negara ini.

3. Persekolahan menengah mengalami perubahan yang begitu pesat bukan sahaja dari segi fizikal bahkan terutama sekali kurikulum selepas Akta Pelajaran 1961 dilaksanakan. Bincangkan.

4. Huraikan tahap-tahap perlaksanaan sistem pelajaran kebangsaan Malaysia di Sabah atau Sarawak selepas 1963.

5. Halkan satu daripada perkara-perkara berikut:

   (a) Syor-syor Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) berhubung dengan tujuan-tujuan pendidikan iaitu perpaduan nasional dan pembentukan tenaga manusia.

   (b) Rasional menggunakan kurikulum 3M pada tahap sekolah rendah dan masalah yang dihadapi di dalam melaksanakan kurikulum ini.

   (c) Gerakbalas terhadap cabaran dan perubahan telah menjadi ciri tetap program-program pendidikan perguruan kita selepas merdeka. Bincangkan kenyataan ini.

   (d) Bezakan peranan inspektor sekolah dalam tempoh pra-Merdeka dan peranan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan dalam tempoh pos-Merdeka.

ooo0000ooo